

Perpustakaan perlu tarikan baru galak minat membaca

BH - 30/3/2007

DALAM era globalisasi, membaca adalah suatu keperluan. Seseorang yang ingin menambah ilmu dan maju dalam kehidupan, perlu menjadikan membaca sebagai makanan harian. Revolusi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) mengubah bukan saja cara manusia berkomunikasi, berinteraksi, mengurus niaga, malah membaca dan membuat rujukan. Kita harus akui telah lahir satu generasi yang hanya memahami satu bahasa saja - bahasa internet. Mereka seolah-olah tidak selesa memanfaatkan buku dalam bentuk tradisional. Lagipun, mereka berpendapat bahan bacaan bukan saja boleh diperoleh daripada buku teks dan rujukan pula bukan hanya di perpustakaan. Menerusi internet, apa yang perlu hanya hujung jari untuk menimba sebanyak mungkin ilmu dan maklumat. Kelmarin, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengajak rakyat menerapkan sikap dan budaya gemar membaca termasuk karya sastera bagi menjadikan Malaysia 'negara pembaca' dan setaraf penduduk negara maju. Menerusi pembacaan akan membawa masyarakat selangkah ke hadapan, menghubungkan kumpulan sosial dan mewujudkan semangat setiakawan dan celik minda. Ia juga meningkatkan kemahiran dalam menghadapi saingan pada peringkat global.

Malangnya, walaupun kempen menyemai budaya membaca di kalangan rakyat kita sudah lama dijalankan, belum nampak kesan yang ketara. Malah ada yang mendakwa masyarakat kita malas membaca dan jika membaca pun, lebih cenderung kepada bahan hiburan atau komik. Ini mungkin juga ada kaitan kurangnya penerbitan buku ilmiah di pasaran tempatan. Jika kita berpandukan kepada negara maju seperti di Amerika Syarikat, Eropah atau Jepun, dunia penerbitan di Malaysia masih jauh terkebelakang. Masyarakat negara itu memang gemar membaca. Sebagai penanda aras, jika jumlah penduduk sejuta orang, seharusnya sebanyak 100,000 judul buku diterbitkan setiap tahun. Di Malaysia, penerbitan buku baru tidak sampai 10,000 judul setahun. Daripada 10,000 itu pula, penerbitannya terbahagi kepada pelbagai bahasa dan tidak semua bahasa Melayu. Seseengah pihak mengaitkan tabiat membaca tidak berkembang disebabkan kurangnya bahan bacaan. Mungkin langkah kerajaan memberikan insentif pengecualian cukai kepada mereka yang ingin menerbitkan buku ilmiah dan pengetahuan, boleh mengubah senario ini, selain memberikan galakan menulis, menerbitkan dan menjual buku.

Kita ingin melihat minat membaca di kalangan rakyat subur sehingga menjadikannya tabiat ketika menaiki LRT, bas dan kereta api seperti berlaku di negara maju. Pada masa yang sama, perpustakaan awam harus diperkasakan supaya dapat menarik minat ramai terutama pelajar. Banyak pendidik dan pustakawan gelisah kerana perpustakaan semakin kurang dijejaki pelajar dan generasi muda. Ini bukan bermakna mereka tidak mencari bahan atau membuat rujukan tetapi kerana tiada tarikan baru, mereka lebih cenderung melayari pustaka maya menerusi internet. Langkah mengadakan lebih perpustakaan digital mungkin satu cara untuk menarik generasi muda menjadikan pembacaan sebagai tabiat harian, bukan sekadar mengisi masa lapang.